

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [ GERIK ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh mana penggunaan Teknologi Waste to Energy (**WTE**) di Malaysia berjaya di dalam pengurusan pelupusan sampah dan sisa pepejal.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini belum ada lagi loji rawatan sisa pepejal berkonsepkan Waste to Energy (WtE) yang telah beroperasi di Malaysia. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang melaksanakan 2 projek WtE iaitu di Ladang Tanah Merah, Port Dickson, Negeri Sembilan yang kini dalam peringkat pembinaan serta WtE Kuala Lumpur yang telah selesai proses tender.

Sekian, terima kasih.